Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 10, e001786
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1786

Persepsi Pelajar Sijil Operasi Perhotelan Terhadap Perlaksanaan Program Alumni di Kolej Komuniti

(Perceptions of Certificate in Hotel Operation Students on the Implementation of Alumni Program at Community Colleges)

Muhammad Huzaifah Mohd Anuar[1], Mohd Zulfakar Mohd Nawi[2], Ridzuan Khalid[3], Ali Jalal Mohd Hatta @ Azman[4]

[1]Unit Operasi Perhotelan, Kolej Komuniti Rompin, KM 5, Jalan Rompin Pekan, 26800, Kuala Rompin, Pahang, Malaysia.
Email: muhammadhuzaifah.mohdanuar@staf.kkrompin.edu.my
[2]Unit Operasi Perhotelan, Kolej Komuniti Rompin, KM 5, Jalan Rompin Pekan, 26800, Kuala Rompin, Pahang, Malaysia;
Jabatan Ikhtisas Pendidikan, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor, Malaysia.
Email: mohdzulfakar.mohdnawi@kkrompin.edu.my
[3]Unit Operasi Perhotelan, Kolej Komuniti Rompin, KM 5, Jalan Rompin Pekan, 26800, Kuala Rompin, Pahang, Malaysia.
Email: ridzuankhalid@staf.kkrompin.edu.my
[4]Unit Operasi Perhotelan, Kolej Komuniti Rompin, KM 5, Jalan Rompin Pekan, 26800, Kuala Rompin, Pahang, Malaysia.
Email: Alijalal.mohdhatta@staf.kkrompin.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Mohd Zulfakar Mohd Nawi (mohdzulfakar.mohdnawi @kkrompin.edu.my)

KATA KUNCI:
Program Alumni
Pelajar
Kolej Komuniti

KEYWORDS:
Alumni Program
Students
Community College

CITATION:
Muhammad Huzaifah Mohd Anuar et al. (2022). Persepsi Pelajar Sijil Operasi Perhotelan Terhadap Perlaksanaan Program Alumni di Kolej Komuniti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(10), e001786. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1786

ABSTRAK

Alumni Kolej Komuniti yang berjaya wajar dijadikan contoh oleh pelajar lain. Penglibatan alumni melalui kepakaran dalam bidang berkaitan profesion mereka sangat penting dalam pembangunan program-program pengajian di kolej komuniti yang merupakan sebuah institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional Malaysia (TVET). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan program bersama alumni di kolej komuniti bagi membantu pelajar dalam aspek pengetahuan, peningkatan keyakinan diri serta berdaya saing apabila menempuh dunia pekerjaan. Data dianalisis menggunakan perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 26 dan ia dinyatakan dalam bentuk analisis deskriptif. Kajian mendapati purata nilai skor tertinggi bagi keberkesanan program ialah 4.58. Aspek kandungan program menunjukkan bahawa skor nilai purata kedua tertinggi sebanyak 4.50. Daripada dapatan analisis pemilihan hala tuju pelajar selepas tamat pengajian, item "menyambung pengajian" mendapat skor tertinggi dan ini bermakna pelajar telah pun menetapkan hala tuju mereka untuk menyambung pengajian ke peringkat diploma selepas tamat pengajian di Kolej Komuniti. Kesimpulannya, program bersama alumni ini didapati berkesan berdasarkan persepsi responden terhadap aspek kandungan, keberkesanan program serta penentuan hala tuju selepas tamat pengajian.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ABSTRACT

Successful Community College alumni should be set as examples by other students. Involvement of alumni through expertise in fields related to their profession is very important in the development of study programs at community colleges which are Malaysian Technical Education and Vocational Training (TVET) institutions. This study aims to identify the effectiveness of programs with alumni at community colleges to help students in terms of knowledge, self-confidence and competitiveness when entering the world of work. Data were analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 26 software and expressed in the form of descriptive analysis. The study averaged the highest score value for the effectiveness of the program was 4.58. The content aspect of the program shows that the second highest average value score of 4.50. From the analysis of students' choice of direction after graduation, the item "continuing studies" got the highest score and this means that students have already set their direction to continue their studies to the diploma level after completing studies at Community College. In conclusion, the program with alumni was found to be effective based on the respondents' perception of the aspects of content, program effectiveness and determination of direction after graduation.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur yang sedia ada tentang persepsi terhadap program bersama alumni dalam meningkatkan pemahaman dan persoalan pelajar. Oleh yang demikian, program seperti ini dapat diterapkan di sesebuah institusi pengajian tinggi.

1. Pengenalan

Bekas pelajar atau alumni institusi boleh memainkan peranan yang sangat positif dalam transformasi pendidikan tinggi. Alumni mempunyai potensi besar di sesebuah institusi dalam perkongsian ilmu dari aspek pemilihan kerjaya pelajar (Unisel Alumni, 2022). Ini kerana, alumni adalah contoh teladan yang berkesan dan mudah diterima oleh pelajar dan ia mempunyai kemampuan yang sama untuk membina rangkaian kemahiran dan perkongsian pengetahuan. Oleh itu, adalah strategik bagi institusi pengajian tinggi untuk menjalin dan menjaga hubungan baik dengan alumni dengan mengundang mereka dalam membuat keputusan, proses pembinaan dan pembangunan rangkaian ke arah kemajuan keseluruhan institusi mana pun (Tulankar & Grampurohit, 2020).

Dalam konteks ini, pihak institusi perlu untuk mewujudkan saluran komunikasi terbuka dan langsung dengan wakil alumni. Sebagai tambahan kepada sumbangan alumni, ia dapat memenuhi banyak tujuan lain seperti menjadi atau membina duta institusi, merekrut calon pelajar dan membimbing pelajar semasa, memberikan bantuan kepada pelajar dalam kemajuan kerjaya; membantu alumni untuk terus berhubung antara satu sama lain dan memberikan maklum balas yang berharga kepada institusi (Suliati Asri, 2021). Rangkaian alumni yang cekap dengan pihak berkepentingan luaran membantu institusi dalam membina reputasinya.

Di dalam teras yang ke-5 bagi *Key Performance Indicator* (KPI) 2021 Kamus Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) adalah memperkukuh kolaborasi

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

industri, komuniti dan alumni. Di dalam teras ini terdapat 3 item utama yang ditekankan iaitu memperkukuh jaringan industri-institusi, memastikan sumbangan signifikan kepada negara dan komuniti dan memperkukuhkan hubungan alumni. Selain itu juga, JPPKK telah menyarankan supaya institusi mendapatkan penyertaan dari industri, agensi awam dan agensi swasta kepada pelajar dengan pendedahan peluang pekerjaan dalam industri sebenar bagi membantu kebolehpasaran graduan TVET mengikut bidang pengajian masing-masing (Kementerian Pengajian Tinggi, 2021).

Berdasarkan Laporan Kajian Pengesahan Graduan TVET yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (2021), kadar kebolehpasaran graduan TVET 2018 sehingga 2020 menunjukkan semua bidang pengajian mencatatkan penurunan kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. Bagi sektor perkhidmatan, kebolehpasaran graduan pada tahun 2020 menurun kepada 86 peratus berbanding 93.4 peratus pada tahun 2019 (Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, 2022).

Bidang perhotelan dikategorikan di dalam sektor perkhidmatan dan terdapat 8 buah kolej komuniti yang menawarkan program tersebut iaitu Kolej Komuniti Selayang, Kolej Komuniti Sungai Petani, Kolej Komuniti Kuantan, Kolej Komuniti Bukit Beruang, Kolej Komuniti Chenderoh, Kolej Komuniti Beaufort, Langkawi Tourism Academy dan Kolej Komuniti Rompin. Di setiap Kolej Komuniti, terdapat Unit Perhubungan Industri dan Alumni yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengurus dan memastikan semua aktiviti yang berkaitan dengan latihan industri dan alumni dapat berjalan dengan baik. Program Alumni Sharing Session @ SOP *"Learn from industry experts and alumni*" anjuran Kolej Komuniti Rompin telah dijalankan secara dalam talian melibatkan pelajar Sijil Operasi Perhotelan (SOP) yang sedang mengikuti pengajian di Kolej Komuniti. Program yang telah dijalankan ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang kerjaya, pendidikan dan prospek keusahawanan yang wujud dalam industri. Realiti tentang keperluan tenaga kerja dan kemahiran kebolehpasaran dalam bidang pelancongan dan hospitaliti juga dijelaskan.

Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan persepsi pelajar dari lima buah Kolej Komuniti iaitu Kolej Komuniti Rompin, Kolej Komuniti Selayang, Kolej Komuniti Beaufort, Kolej Komuniti Sungai Petani dan Langkawi Tourism Academy yang telah menghadiri program tersebut pada 8 Disember 2021. Kajian ini telah mengenal pasti dua persoalan iaitu:

i. Apakah persepsi pelajar terhadap program bersama alumni?
ii. Apakah hala tuju pelajar setelah bergelar graduan kolej komuniti?

2. Sorotan Literatur

Kewujudan pusat alumni di institusi pengajian membuktikan betapa pentingnya sumbangan alumni kepada sesebuah institusi. Sudah menjadi kebiasaan di kebanyakan institusi di Malaysia menjemput alumni di majlis atau acara rasmi bagi menjadikan mereka sebagai suri teladan (*role model*) kepada bakal-bakal graduan untuk berkongsi pengalaman dan ilmu pengetahuan yang mereka ada (Utusan Borneo, 2018). Ini juga disokong oleh Alumni Universiti Sains Malaysia (USM) di mana komuniti terpelajar dan komuniti aras tinggi diseru untuk menjadi "*role model*" kepada masyarakat, negara malah juga dunia seluruhnya (USM News Portal, 2015). Ini kerana graduan prasiswazah perlu meningkatkan daya saing mereka dengan meningkatkan keterampilan dan kemampuan mereka untuk menghadapi persaingan kerja (Akmal Sabarudin et al., 2022).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Perkongsian alumni dengan mahasiswa sama ada dalam pengurusan pembangunan disiplin diri atau dalam pengurusan kerjaya boleh diterima dengan mudah sebagai bimbingan dan inspirasi oleh mahasiswa yang lain. Fadzlina (2022) mengatakan bahawa pengaruh alumni sangat besar terutama dalam aspek pendidikan, kepimpinan dan pengurusan untuk membantu mahasiswa menjadi nadi penggerak masa hadapan negara yang lebih cerah.

Oleh itu, dengan adanya penyertaan alumni dalam sesebuah institusi dapat menunjukkan satu petanda kesepakatan dan penglibatan mereka dalam menyokong dan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pentadbiran institusi tersebut. Sebagai contoh, melalui sesi perjumpaan bersama alumni dapat memberikan cetusan idea dan inspirasi kepada kedua-dua pihak terutamanya alumni supaya dapat berdaya saing dalam mencari peluang pekerjaan di masa sekarang. Dengan keadaan semasa agak sukar untuk mana-mana pihak mencari peluang pekerjaan dan ini termasuklah golongan graduan universiti.

Salah satu objektif Kolej Komuniti adalah melahirkan graduan yang berkemahiran (*hands-on*) untuk bekerja sebagai pekerja mahir atau separa mahir mengikut keperluan industri (Kee, 2019). Hasnan (2021) menyatakan graduan cenderung untuk memilih untuk bekerja di industri kerana lebih mudah dan cepat terutama di dalam industri perkhidmatan berdasarkan kemahiran atau pensijilan yang dimiliki.

Oleh itu, bagi membantu alumni memilih hala tuju yang tepat selepas bergelar graduan, satu inisiatif perlu diambil bersama bagi menilai kemampuan diri seseorang graduan untuk penetapan hala tuju yang diimpikan. Alumni yang ada sekarang ini perlu memanipulasi segala aspek yang disediakan di institusi dan juga memanfaatkan isu-isu ke arah perkembangan diri sebagai seorang mahasiswa yang mempunyai keintelektualan tinggi (Din, 2018). Justeru, sebagai mahasiswa yang merasakan diri mereka perlu untuk menyahut cabaran selepas bergelar graduan inilah masanya untuk bersiap sedia. Paling penting adalah hala tuju sebagai mahasiswa akan berakhir dengan apa yang diimpikan terutamanya mendapat pekerjaan yang membuatkan diri mahasiswa bergembira dan bukannya berduka menunggu panggilan kerja.

3. Metod Kajian

Kajian kuantitatif deskriptif yang dijalankan adalah berbentuk kajian tinjauan. Sampel kajian adalah terdiri daripada 66 orang pelajar dari lima buah Kolej Komuniti yang telah menghadiri Program Alumni Sharing Session @ SOP "*Learn from industry experts and alumni*" iaitu Kolej Komuniti Rompin, Kolej Komuniti Selayang, Kolej Komuniti Beaufort, Kolej Komuniti Sungai Petani dan Kolej Komuniti Langkawi. Borang soal selidik diedarkan melalui ruangan chat di Google Meet setelah tamat program menggunakan pautan Google Form. Instrumen bagi kajian ini telah diadaptasi dari Ekhwan et al. (2020) berkaitan dengan kursus jangka pendek di kalangan alumni. Soal selidik ini mengandungi tiga (3) bahagian iaitu Bahagian A (demografi responden program), Bahagian B (berkaitan kandungan program) dan Bahagian C (Hala tuju pelajar selepas tamat pengajian). Maklum balas responden terhadap setiap item diukur menggunakan skala Likert dari 1 hingga 5.

Analisis data kuantitatif digunakan dalam kajian ini, dan hasil tinjauan dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 26. Analisis kekerapan dilakukan untuk mendapatkan dapatan tentang latar belakang responden kursus, seperti jantina, kumpulan umur, kolej komuniti, dan semester pengajian semasa. Teknik min

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

digunakan untuk analisis deskriptif dan julat skor min yang disemak telah ditentukan oleh Creswell (2005).

4. Analis dan Perbincangan

Dalam membincangkan dapatan kajian ini, pelaporan disediakan berdasarkan kepada item yang terdapat di dalam borang selidik berdasarkan persoalan kajian. Dapatan kajian ini adalah daripada hasil maklum balas responden yang terlibat di dalam Program Alumni Sharing Session @ SOP "*Learn from industry experts and alumni*" yang telah dijalankan. Dapatan dari Bahagian A soal selidik ini mengandungi maklumat demografi responden, iaitu jantina, kumpulan umur, kolej komuniti dan semester. Secara keseluruhan, kesemua 66 responden adalah dari semester 1 hingga 3 di beberapa kolej komuniti yang menawarkan program sijil dalam operasi hospitaliti, dan termasuk 27 lelaki, 39 perempuan, dan berumur antara 18 tahun sehingga 22 tahun.

4.1. Analisis Deskriptif

Jadual 1 memaparkan analisis dan dapatan bagi item keberkesanan program. Purata nilai rekod bagi semua item dalam pemboleh ubah yang dikaji ialah 4.50, dan sisihan piawai purata ialah 0.663. Item A3 mendapat markah tertinggi dalam ujian (skor min = 4.62, sisihan piawai = 0.602). Skor min terendah ialah item A6 (skor min = 4.38, sisihan piawai = 0.780).Walaupun skor min terendah, pernyataan ini masih berada pada tahap tafsiran yang sangat memuaskan. Secara keseluruhannya, min bagi program ini ialah 4.50. Ini menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa program ini telah dijalankan dengan baik dan mencapai matlamatnya. Rata-rata responden bersetuju program yang dijalankan ini memberi banyak pendedahan tentang peluang mencari pekerjaan selepas bergelar alumni.

Jadual 1: Analisis Deskriptif Kandungan Program

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
A1	Objektif program tercapai.	4.53	.588	Sangat Memuaskan
A2	Pengisian program yang bersesuaian dengan keperluan kursus.	4.61	.653	Sangat Memuaskan
A3	Perancangan dan pelaksanaan program telah dibuat dengan lancar.	4.62	.602	Sangat Memuaskan
A4	Program ini memberi pendedahan tentang hubungan kolaborasi bersama agensi/ jabatan lain.	4.48	.707	Sangat Memuaskan
A5	Cara penyampaian penceramah adalah menarik.	4.48	.685	Sangat Memuaskan
A6	Platform pembelajaran (Google Meet) yang digunakan untuk program ini adalah baik.	4.38	.780	Sangat Memuaskan
A7	Aktiviti pembelajaran yang dijalankan semasa program ini adalah menarik.	4.44	.726	Sangat Memuaskan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

A8	Masa yang diperuntukkan untuk menjalankan program ini adalah sesuai.	4.48	.749	Sangat Memuaskan
A9	Pada keseluruhannya, program ini berjaya dan bermanfaat.	4.56	.659	Sangat Memuaskan
	Skor min keseluruhan	**4.50**	**.663**	**Sangat Memuaskan**

Jadual 2 memaparkan analisis data dan dapatan bagi item keberkesanan program. Secara keseluruhannya, min yang dicatatkan bagi semua item dalam pemboleh ubah yang dikaji ialah 4.58 dan min sisihan piawai ialah 0.601. Berdasarkan Jadual 2, B5 mempunyai skor min tertinggi (4.62), dan sisihan piawai ialah 0.576. Purata markah bagi item B4 ialah 4.55.Ini adalah lebih rendah daripada skor purata untuk semua item lain (skor min = 5.14). Walaupun skor min terendah, pernyataan ini masih berada pada tahap tafsiran yang sangat memuaskan. Responden bersetuju program ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan pemahaman mereka terhadap peluang kerjaya yang tersedia selepas tamat pengajian. Selain itu, program ini juga telah menunjukkan arah dan matlamat kerjaya yang lebih jelas kepada alumni.

Jadual 2: Analisis Deskriptif Penilaian Keberkesanan Program Terhadap Responden

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
B1	Program ini telah meningkatkan pemahaman saya terhadap peluang kerjaya selepas tamat pengajian.	4.58	.556	Sangat Memuaskan
B2	Program ini memberikan maklumat yang lebih jelas mengenai peluang melanjutkan pelajaran selepas tamat program sijil di Kolej Komuniti.	4.58	.634	Sangat Memuaskan
B3	Program ini telah menunjukkan arah dan matlamat kerjaya yang lebih jelas.	4.61	.579	Sangat Memuaskan
B4	Program ini telah memberikan kesedaran diri mengenai masa depan saya.	4.55	.661	Sangat Memuaskan
B5	Program ini telah meningkatkan keyakinan diri saya.	4.62	.576	Sangat Memuaskan
	Skor min keseluruhan	**4.58**	**.601**	**Sangat Memuaskan**

Analisis data dan dapatan bagi item hala tuju pelajar selepas tamat pengajian seperti di Jadual 3. Purata nilai bagi item ini ialah 4.43 dan nilai purata sisihan piawai adalah 0.701. Item C1 mempunyai skor min tertinggi (skor min = 4.56) dan skor min terendah ialah item C3 (skor min = 4.33). Walau bagaimanapun, keputusan ini tidak muktamad kerana terdapat sisihan piawai yang besar untuk kedua-dua item. Responden sangat memahami tentang matlamat yang sepatutnya mereka tetapkan untuk mencapai cita-cita mereka. Selain itu juga, responden bersetuju, program ini dapat mampu membuatkan mereka lebih yakin untuk memilih hala tuju yang sesuai dengan bidang dan latar belakang mereka.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 3: Analisis Deskriptif Hala Tuju Selepas Tamat Pengajian

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
C1	Saya tahu matlamat yang ingin saya capai dalam hidup.	4.56	.611	Sangat Memuaskan
C2	Saya boleh membina matlamat yang sesuai dengan kemampuan diri saya.	4.45	.706	Sangat Memuaskan
C3	Saya lebih jelas tentang halatuju hidup saya selepas tamat pengajian.	4.33	.771	Sangat Memuaskan
C4	Saya mampu untuk memilih halatuju yang sesuai dengan saya.	4.38	.718	Sangat Memuaskan
	Skor min keseluruhan	**4.43**	**.701**	**Sangat Memuaskan**

Jadual 4 menunjukkan analisis data dan dapatan bagi pemilihan hala tuju pelajar selepas tamat pengajian. Item "*menyambung pengajian*" mendapat skor yang tertinggi iaitu 56.1 peratus dan diikuti oleh item "*bekerja dalam bidang pelancongan dan hospitaliti*" mendapat skor sebanyak 34.8 peratus. Skor peratusan paling rendah adalah item "*bergelar seorang usahawan*" yang sebanyak 9.1 peratus. Daripada dapatan ini, rata-rata responden memilih untuk menyambung pengajian ke peringkat diploma selepas tamat belajar di Kolej Komuniti. Ini mungkin disebabkan responden ingin mendapatkan latar belakang pendidikan yang lebih tinggi.

Jadual 4: Pemilihan Hala Tuju Pelajar Selepas Tamat Pengajian

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Menyambung pengajian	37	56.1
Bekerja dalam bidang pelancongan dan hospitaliti	23	34.8
Bergelar seorang usahawan	6	9.1

5. Rumusan dan Cadangan

Kajian ini telah dijalankan bagi mengenal pasti tahap keberkesanan program bersama alumni dalam aspek penetapan hala tuju pelajar setelah bergelar graduan Kolej Komuniti.

5.1. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap program bersama alumni.

Penyataan pertama bagi kajian ini adalah melihat keberkesanan kandungan program alumni. Keputusan menunjukkan bahawa purata skor keseluruhan ialah 4.50, dan ini adalah tahap tafsiran yang sangat memuaskan. Secara jelasnya, program bersama alumni ini didapati berkesan dan mencapai objektif program iaitu bermanfaat kepada semua alumni yang hadir. Berdasarkan hasil kajian keberkesanan program terhadap responden, nilai min menunjukkan 4.58 iaitu interpretasi yang sangat memuaskan. Secara jelasnya,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

keberkesanan program ini dapat membantu pelajar menentukan arah dan matlamat kerjaya yang lebih jelas. Selain itu juga, responden bersetuju program yang dijalankan ini dapat meningkatkan keyakinan diri mereka setelah bergelar alumni dalam menghadapi dunia pekerjaan. Penyertaan alumni dalam setiap program di Kolej Komuniti menunjukkan satu petanda kesepakatan antara pentadbiran setiap institusi demi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada bekas pelajar.

5.2. Mengenal pasti hala tuju pelajar setelah bergelar graduan Kolej Komuniti.

Penyataan kedua bagi kajian ini adalah melihat keberkesanan hala tuju pelajar setelah bergelar graduan Kolej komuniti. Keputusan menunjukkan purata skor keseluruhan ialah 4.43, iaitu sangat memuaskan. Tinjauan mendapati pelajar mampu menetapkan matlamat dan sasaran kerjaya selepas tamat pengajian berdasarkan minat dan keinginan mereka.

Daripada dapatan analisis pemilihan hala tuju pelajar selepas tamat pengajian, item "menyambung pengajian" mendapat skor tertinggi dan ini bermakna pelajar telah pun menetapkan hala tuju mereka untuk menyambung pengajian ke peringkat diploma selepas tamat pengajian di Kolej Komuniti. Unit Perhubungan Industri dan Alumni perlu mengadakan program berkaitan hala tuju pendidikan selepas sijil di Kolej Komuniti (Kolej Komuniti Kulim, 2022). Kesedaran tentang peluang melanjutkan pengajian ke peringkat diploma sangat penting dalam memupuk minat pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Oleh itu, kewujudan pusat alumni di institusi sangat penting bagi membantu graduan untuk memilih hala tuju yang tepat selepas tamat pengajian. Program-program alumni perlu diteruskan dengan menjemput mana-mana alumni untuk menceritakan pengalaman mereka sebagi tanda aras kepada graduan dalam pemilihan hala tuju selepas tamat pengajian.

5.3. Cadangan penyelidikan akan datang.

Bagi kajian-kajian yang akan datang, disarankan agar melanjutkan kajian yang lebih terperinci merangkumi pemilihan sektor industri oleh alumni. Ini kerana dapat membantu pengkaji untuk menerangkan secara keseluruhan tentang kepentingan pemilihan industri kepada alumni serta kerjaya yang dipilih oleh alumni tepat mengikut bidang dan minat masing-masing.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, program yang dijalankan bersama alumni ini didapati berkesan berdasarkan persepsi alumni terhadap aspek kandungan, keberkesanan dan hala tuju pelajar selepas tamat pengajian. Program ini juga disyorkan untuk dijalankan kepada semua institusi pada akhir semester bagi membantu dalam pemilihan kerjaya di kalangan bakal graduan. Unit Perhubungan Industri & Alumni, Kolej Komuniti bertanggungjawab untuk memastikan program alumni ini dapat dilaksanakan sebagai usaha membantu memperkukuhkan lagi keyakinan diri, menyalurkan maklumat dan menyemai budaya seperti mana hasrat yang kolej komuniti ingin sampaikan kepada bakal graduan. Pengalaman yang dikongsi oleh alumni sama ada dalam soal pembentukan sahsiah diri, pengurusan masa dan kewangan mahupun bidang kerjaya dapat diterima dengan lebih baik sebagai panduan dan seterusnya menjadi inspirasi kepada pelajar.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan daripada Pusat Penyelidikan dan inovasi (PPI) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Semua proses pengumpulan data yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika yang digariskan. Kebenaran dan persetujuan semua responden telah diperoleh untuk mengikuti kajian ini

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Jutaan terima kasih kepada barisan penulis yang menyumbangkan idea dan pelajar-pelajar Sijil Operasi Perhotelan Kolej Komuniti yang memberikan kerjasama sepanjang penghasilan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Penulis tidak menerima sebarang sumbangan dari mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Akmal S., Lokman, N. H., & Jantan, N. S. (2022). Tinjauan Keberkesanan Program Keusahawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UK) terhadap Kebolehpasaran Graduan Menurut Perspektif Alumni UKM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(2), e001272.https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1272

Creswell, J. W. (2005). *Educational research Planning, conducting, and eva-luating quantitative and qualitative research* (2nd ed.). Columbus, OH Pearson Merrill Prentice Hall.

Din, G. (2018). Mahasiswa bijak, berada bentuk masa depan gemilang. *Berita Harian*. Retrieved 20 October 2022 from https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/08/463994/mahasiswa-bijak-beradab-bentuk-masa-depan-gemilang

Ekhwan, R., Rosli, S. H., & Rasalli, R. I. Z. (2020). Keberkesanan Kursus Jangka Pendek Anjuran Kolej Komuniti Ledang Johor Terhadap Alumni. *Asian Journal of Civilizational Studies, 2*(1), 68–79.

Fadzlina. (2022, April 18). Beri peluang pekerjaan pada graduan. *USIM*. https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/beri-peluang-pekerjaan-pada-graduan.

Hasnan, B. (2021). Pasaran kerja kian mencabar tuntut graduan persiapkan diri. *Berita Harian*. Retrieved 21 October 2022 from https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2021/04/802354/pasaran-kerja-kian-mencabar-tuntut-graduan-persiapkan-diri

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. (2022). Kamus KPI 2022.pdf. *Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti*. https://drive.google.com/file/d/19JqdJHlf1J_84pBrQI-ogLKRAq0n8Bn-/view

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kee, L. (2019). Kajian Kepuasan Majikan Terhadap Graduan Kolej Komuniti Sandakan 2018. *Kolej Komuniti Sandakan*. Retrieved 22 October 2022 from https://www.academia.edu/39081387/Kajian_Kepuasan_Majikan_Terhadap_Graduan_Kolej_Komuniti_Sandakan_2018

Kementerian Pengajian Tinggi. (2021). Laporan Kajian Pengesanan Graduan TVET 2020. *Kementerian Pengajian Tinggi*. https://www.mohe.gov.my/en/download/publications-journals-and reports/lkpg/2020-1/833-laporan-kajian-pengesanan-graduan-tvet-2020/file

Kolej Komuniti Kulim (2022). Pelan Strategik & Pelan Tindakan KKKU 2021-2025. *Kolej Komuniti Kulim*. Retrieved 21 October 2022 from https://www.yumpu.com/id/document/read/67096318/pelan-strategik-pelan-tindakan-kkku-2021-2025

Suliati Asri. (2021). Majlis alumni bina jaringan kukuh. *Harian Metro*. https://www.hmetro.com.my/akademia/2021/02/674551/majlis -alumni-bina-jaringan-kukuh

Tulankar, S., & Grampurohit, B. (2020). *Role of alumni as stakeholders in enhancing quality education*. Sustaining Quality: NAAC New Guidelines 2017. https://www.researchgate.net/publication/341650267_Role_of_alumni_as_stakeholders_in_enhancing_quality_education

USM News Portal. (2015, April 27). Alumni Usm Diseru Menjadi "Role Model" Kepada Masyarakat. *USM News Portal*. https://news.usm.my/index.php/berita-mutakhir/861-alumni-usm-diseru-menjadi-role-model-kepada-masyarakat

Unisel Alumni (2022). Peranan Alumni Dalam Pembangunan Universsiti. Retrieved 21 October 2022. *Unisel Alumni*. https://uniselalumni.wixsite.com/uniselalumniconnect/single-post/2015/10/15/peranan-alumni-dalam-pembangunan-universiti.

Utusan Borneo (2018). Alumni Punya Peranan Penting. *Utusan Borneo*. Retrieved 21 October 2022, from https://www.utusanborneo.com.my/2018/07/13/alumni-punya-peranan-penting

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).